

# Amalan Pedagogi Jurulatih Utama Bahasa Arab Dalam Pengajaran Kosa Kata Peringkat Sekolah Kebangsaan Di Negeri Melaka

Azrul Abu Aman

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
Tel: +6019-6876705 E-mel: [azrulaman@gmail.com](mailto:azrulaman@gmail.com)

Harun Baharudin (Pengarang Penghubung)

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
Tel: +6012-3782207 E-mel: [harunbaharudin@ukm.edu.com](mailto:harunbaharudin@ukm.edu.com)

## Abstrak

Penguasaan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan guru adalah penting dalam memastikan amalan pengajaran khususnya aspek kosa kata memberi impak positif terhadap kemampuan murid berbahasa. Kajian ini bertujuan meneroka amalan pengajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan jurulatih utama di negeri Melaka. Pendekatan kualitatif digunakan dengan reka bentuk kajian kes pelbagai tempat. Peserta kajian ialah empat orang guru daripada empat buah sekolah di negeri Melaka. Peserta dipilih secara persampelan bertujuan. Kriteria peserta kajian ialah *jurulatih utama* negeri Melaka, mendapat pendedahan daripada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) berkaitan sukatan dan menyebarkannya di peringkat negeri, serta aktif dalam aktiviti ko-akademik peringkat negeri atau kebangsaan. Data kajian diperoleh melalui pemerhatian dan temu bual mendalam. Pentafsiran, penelitian dan rumusan data dilaksanakan dengan menganalisis, pengekodan, saringan, perbandingan dan pengkategorian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan pengajaran kosa kata Arab yang dilaksanakan oleh guru ialah Strategi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdP) berpusatkan guru, strategi PdP berpusatkan murid, penekanan kepada kemahiran bahasa, dan pengetahuan pedagogi isi kandungan. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa guru perlu melaksanakan pelbagai

kaedah pengajaran kosa kata dan menguasai pengetahuan pedagogi isi kandungan. Dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada para guru dalam melaksanakan amalan terbaik pengajaran kosa kata dan menambahbaik kualiti PdP bahasa Arab.

**Katakunci:** Pengajaran Kosa Kata; Kosa Kata Bahasa Arab; Amalan Pedagogi Guru; Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan.

## Abstract

Teachers' Pedagogical Content Knowledge is important in ensuring that the practice of vocabulary teaching will give a positive impact on the ability of the students to gain new language. The study was aimed at exploring the practice of Arabic language vocabulary teaching among major trainers in the state of Melaka. A qualitative multiple case study research approach was employed in this study. The participants were four teachers from four schools in Melaka. Participants were selected through purposive sampling. The criteria for selecting the participants were: Melaka's major trainer, have gained exposure from the Curriculum-related Development Division and disseminated it at the state level, and active in the state or national level co-academic activities. The data were obtained through observations and in-depth interviews. Interpretation of research and data formulation were carried

out through data analyzing, coding, filtering, comparing and categorizing. The findings show that the practice of vocabulary teaching by the teachers are: Teacher-centered and student-centered teaching and learning (T&L) strategies, emphasis on language skills, and pedagogical content knowledge. The implication of this study shows that teachers need to implement various vocabulary teaching methods and have a firm grip of the pedagogical knowledge of the content. The findings of this study are expected to provide guidance for teachers in implementing the best practice of vocabulary teaching and improving the quality of Arabic language T&L.

**Keywords:** Vocabulary Teaching; Arabic Vocabulary; Pedagogical Teaching Practice; Pedagogical Content Knowledge.

## Pengenalan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM, 2012) melalui anjakan ke-4 menuntut agar guru-guru bahasa Arab menguasai dan memahami kandungan mata pelajaran, pedagogi dan konteks bagi memastikan objektif pengajaran dan pemudahcaraan (PdP) tercapai. Dalam PdP bahasa Arab sebagai bahasa ketiga, guru dilihat memainkan peranan penting bagi mewujudkan autonomi pelajar dalam pembelajaran sendiri (McCombs & Miller, 2007). Berdasarkan trend semasa yang menekankan kepentingan praktis bahasa yang lebih jelas makna dan fungsinya serta menekankan komunikasi yang sah, kosa kata merupakan antara elemen utama dalam PdP bahasa. Kosa kata berperanan sebagai medium kepada segala bentuk pembelajaran (Amy Benjamin & Crow, 2010). Teras kepada pembelajaran bahasa ialah kosa kata. Pengajaran kosa kata yang berkesan oleh guru mampu menghasilkan penguasaan kosa kata yang baik dalam kalangan murid.

Beberapa kajian lepas mendapati elemen kosa kata Arab sering disentuh dalam kajian berkaitan pembelajaran kosa kata Arab

seperti korelasi strategi dengan saiz kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab (Harun & Maimun Aqsha Lubis, 2015), dan aspek saiz dalam pembelajaran kosa kata (Harun & Zawawi, 2014). Aspek pengajaran kosa kata Arab pula didapati kurang diberi tumpuan meluas berbanding bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Kajian pengajaran kosa kata juga banyak dijalankan berdasarkan pendekatan kuantitatif berbanding kualitatif. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk meneroka amalan pengajaran kosa kata bahasa Arab oleh guru (jurulatih utama) ketika melaksanakan amalan pengajaran kosa kata di sekolah kebangsaan.

Kandungan artikel seterusnya ialah sorotan literatur berkaitan pengajaran kosa kata, strategi pengajaran guru, dan pengetahuan pedagogi isi kandungan. Seterusnya huraian tentang metodologi, dapatan dan perbincangan, dan diakhiri dengan kesimpulan.

## Sorotan Literatur

Kosa kata ialah pengetahuan tentang perkataan dan makna perkataan (Nelson, 2008). Kosa kata dianggap penting kerana ianya merentas kemahiran berbahasa seperti bertutur, membaca dan menulis. Tanpa kosa kata sesuatu komunikasi tidak dapat berlaku. Oleh itu, penguasaan kosa kata ialah salah satu cara proses PdP sesuatu bahasa (Aleidine Kramer Moeller, Ketsman & Masmaliyeva, 2009). Selain itu, pengayaan kosa kata bagi setiap murid juga adalah amat diperlukan dalam PdP bahasa (Erdinc Aslan, 2016)

## Pengajaran Kosa Kata

Terdapat dua bentuk pendekatan pengajaran kosa kata secara eksplisit iaitu pendekatan berpusatkan guru (*teacher-initiated*) dan pendekatan berpusatkan murid (*student-initiated*). Guru memainkan peranan dengan menarik perhatian murid seperti menulis di papan tulis, menggunakan kosa kata dalam

ayat mudah, mengulangnya, bertanyakan maknanya, atau meminta murid memberikan contoh. Pendekatan berpusatkan murid pula, mereka mencari sendiri dengan menggunakan kamus, bertanyakan guru atau murid lain, cuba menggunakannya dalam contoh, mengenalpasti perkataan dalam buku atau lembaran yang diberikan (Keith Folse, 2010). Pengajaran kosa kata yang efektif merangkumi kedua-dua cara iaitu pembelajaran perkataan secara sampingan (*incidental learning*) dan pembelajaran perkataan secara terancang (*intentional learning*) (Nelson, 2008). Selain daripada mengetahui kepentingan kosa kata dalam PdP bahasa, penentuan dan pemilihan perkataan yang ingin dikuasai juga penting.

### Strategi Pengajaran Guru

Strategi atau kaedah pengajaran bermaksud tindakan yang diambil oleh guru dalam mengurus dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (Rashidi & Abdul Razak, 1998). Guru bahasa Arab perlu lebih yakin dan bebas memilih atau menggabungkan mana-mana kaedah yang dirasakan sesuai untuk dilaksanakan (Ahmad Kilani, 2001). Guru yang kreatif dan proaktif akan berusaha mempelbagaikan kaedah dan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam proses PdP. Penggunaan BBM dapat membantu keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan (Rashidi & Abdul Razak, 1998).

Menurut Rosdi dan Mat Taib (2006), terdapat empat kaedah umum pengajaran bahasa termasuk bahasa Arab iaitu: Kaedah nahu-terjemahan, kaedah langsung, kaedah audio-lingual, dan kaedah komunikasi. Ahmad Kilani (2001), pula menambah kaedah dengar dan tutur, dan kaedah eklektik dalam pengajaran bahasa Arab. Berbanding dengan kaedah umum ini, kaedah tradisional pula didapati lebih cenderung kepada pengulangan hafalan. Pembangunan kosa kata dalam erti kata sebenar bererti murid faham dan guna, iaitu melalui dua jenis pengalaman (Benjamin & Crow, 2014): i. Keupayaan memproses makna perkataan dan kegunaannya, dan ii. Peluang

untuk menggunakan perkataan baharu dalam perbualan. Selari dengan perkembangan PdP abad ke 21, pengajaran dengan penggunaan multimedia mampu meningkatkan kepantasan keupayaan memproses perkataan dan peningkatan pengekalan kosa kata apabila perkataan tersebut didapati dalam pelbagai konteks seperti imej beranimasi dan imej dengan bantuan teks. Para pelajar boleh mencipta suasana pembelajaran di luar kelas dalam menyiapkan tugas yang diberi oleh guru (Azman & Goh, 2010).


Strategi pengajaran kosa kata menurut Nelson (2008) ialah: i. Latih tubi (*drill*), ii. Terjemahan, iii. Kata kunci (*keyword*), iv. Pengayaan pengajaran (*rich instruction*), v. Peta semantik dan analisis perkataan, vi. Penstrukturan semula tugas (*task restructuring*), vii. Pra-pengajaran kosa kata, dan ix. Pengajaran strategi pembelajaran perkataan secara bebas, seperti strategi penggunaan kamus, mencari sinonim, analisa konteks, atau gabungan antara strategi. Model strategi pengajaran kosa kata Wilfong (2013) pula mengklasifikasikan sepuluh strategi berbeza iaitu strategi pemilihan perkataan, menarik minat murid, pendefinisian perkataan oleh murid sendiri, penggunaan perkataan, morfologi, simbol dan gambar, sudut perkataan, aplikasi berterusan, pembacaan meluas, dan bahasa akademik.

Nation (1995), menyenaraikan empat tunjang amalan terbaik pengajaran kosa kata iaitu: i. Input makna berfokus (*meaning focused input*), ii. Output makna berfokus (*meaning focused output*), iii. pembangunan kelancaran berbahasa (*fluency development*), dan iv. pengajaran bahasa berfokus (*language focused instruction*). Pengajaran bahasa secara berfokus diberi keutamaan oleh Nation.

### Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan

Teori 'Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan' (PPIK) atau *Pedagogical Content Knowledge* (PCK) ialah teori yang mementingkan guru supaya menguasai pedagogi yang bertepatan

dengan isi kandungan yang ingin disampaikan kepada murid. Empat kategori utama PPIK ialah seperti yang terdapat pada Rajah 2.1 (Ainon Wazir, 2016; Shulman, 1986):



Rajah 1: Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (Ainon Wazir, 2016; Shulman, 1986).

Artikel ini hanya membincangkan tiga kategori dalam komponen PPIK yang diuraikan melalui pemerhatian dan temubual terhadap guru dalam pengajaran kosa kata di sekolah. Tiga komponen yang dibincangkan adalah seperti berikut:

### Pengetahuan Kandungan

Pengetahuan tentang kandungan mata pelajaran yang ingin disampaikan adalah penting dikuasai oleh guru. Kualiti guru bahasa Arab mempengaruhi hubungan terhadap minat murid untuk belajar (Mohammad Abdillah, Asma & Zamri, 2015; Zamri & Al Muslim, 2014)

### Pengetahuan Pedagogi Am

Walau pun guru mampu menguasai kandungan, tetapi tanpa teknik dan kaedah yang sesuai, penyampaian kandungan tersebut tidak akan mencapai objektif yang diinginkan. Oleh itu, pengetahuan guru terhadap apa yang ingin disampaikan kepada murid merupakan perkara yang sangat penting (Mior Syazril, 2015).

### Pengetahuan Pedagogi Khusus

Pengetahuan pedagogi khusus melibatkan pengetahuan berkenaan penggunaan kaedah

dan strategi secara spesifik, merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran, menyampaikan dan melakukan penambahbaikan yang berterusan dalam pengajaran bahasa Arab, salah faham pelajar, kesukaran, refleksi dan penilaian pengajaran bagi mata pelajaran bahasa Arab (Ainon, 2016).

Salah satu peranan utama guru adalah untuk membantu pelajar mempelajari kosa kata (Nelson, 2008). Guru sebagai pengajar sesuatu bahasa hendaklah memahami sikap yang dipamerkan oleh murid agar objektif PdP bahasa tercapai (Azman & Goh, 2010). Perubahan yang berlaku kepada pelajar dianggap sebagai kesan dalam sesuatu pengajaran guru. Oleh itu karakter pelajar yang pelbagai juga seharusnya dikenal pasti (Al-Qahtani, 2015). Dalam konteks kajian ini, guru yang berkemampuan meningkatkan kemahiran atau pengetahuan kosa kata Arab pelajar melalui proses pembelajaran bahasa Arab bersamanya adalah dianggap guru bahasa Arab yang terbaik.

### Metodologi

Reka bentuk kajian ini adalah merupakan kajian kes pelbagai tempat iaitu satu reka bentuk kajian dalam pendekatan kajian kualitatif. Sesuatu fenomena yang ingin dikaji dan difahami boleh dikenal pasti dengan menggunakan kaedah kajian kes meskipun jumlah sampelnya sedikit atau kecil (Noraini Idris, 2010). Kajian kes membolehkan pengkaji memahami secara mendalam sesuatu permasalahan yang ingin dikaji. Kajian ini melihat kepada fenomena pengajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan jurulatih utama sekolah kebangsaan di negeri Melaka.

Pemilihan responden adalah melalui kaedah persampelan bertujuan. Kriteria pemilihan peserta kajian ialah: i. Jurulatih utama bahasa Arab negeri Melaka, ii. Mendapat pendedahan Kurikulum Standard Sekolah Rendah oleh BPK serta terlibat dalam penyebaran kurikulum di negeri Melaka, iii. Aktif dalam program bahasa Arab peringkat negeri atau kebangsaan seperti




kalam jamaie, dikir barat samada sebagai hakim atau jurulatih. Kesemua responden terlibat secara langsung dalam pengajaran kosa kata di sekolah. Responden berperanan menjalankan aktiviti PdP bahasa Arab dengan mengajar kosa kata sepertimana kebiasaan aktiviti PdP di sekolah. Empat orang jurulatih utama peringkat negeri telah dipilih sebagai responden.

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pemerhatian sebagai kaedah utama. Kaedah instrumen temu bual separa berstruktur pula sebagai kaedah sekunder bagi membentuk triangulasi sebagai langkah kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini. Kesahan dan kebolehpercayaan data kajian adalah melalui Triangulasi, semakan pakar (*Member checking*), dan semakan rakan (*Peer checking*). Kaedah pemerhatian dan temu bual merupakan antara kaedah pengumpulan data yang utama dan menjadi kebiasaan digunakan dalam kajian kes secara kualitatif (Merriam, 2001). Data pemerhatian dan temu bual ditranskrip terlebih dahulu. Analisis data dijalankan dengan saringan data, membentuk kesimpulan, dan membuat verifikasi. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut (Siti Uzairiah, 2016): Menganalisis data keseluruhan, pengkodan, saringan, perbandingan kekerapan pengulangan kod, dan pengkategorian bagi penghasilan tema. Analisis data menggunakan perisian Atlas.Ti 8.0. Kajian kualitatif memberikan data yang padat dan banyak. Oleh itu, data disaring sepanjang proses pengutipan data bagi memudahkan penganalisan data semasa dan selepas pengutipan data. Miles & Huberman (1984) telah mencadangkan beberapa teknik untuk menganalisis data secara intensif, iaitu saringan data, membentuk kesimpulan dan melakukan verifikasi data.

## Dapatan dan Perbincangan

Persoalan kajian yang ingin diteroka ialah: Bagaimanakah amalan pengajaran kosa kata bahasa Arab yang digunakan oleh guru di sekolah kebangsaan?

Rajah 2 menunjukkan tema berkaitan amalan pengajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan juru latih utama sekolah kebangsaan:



Rajah 2: Tema Amalan Pengajaran Kosa Kata Arab Guru.

Guru mempamerkan penguasaan pengetahuan pedagogi isi kandungan, melaksanakan pengajaran kosa kata dan menggunakan beberapa bentuk pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran.

## Strategi Berpusatkan Guru

Pendekatan secara tradisional dengan berpusatkan guru masih diamalkan oleh guru. Namun, ianya tertakluk kepada latar belakang murid, infrastruktur dan kekangan PdP yang dihadapi. Faktor-faktor yang dinyatakan ini menyebabkan guru menggunakan pendekatan tradisional iaitu melaksanakan PdP secara sebutan atau bacaan beramai-ramai, diikuti secara berkumpulan dan secara individu. Pengajaran adalah dengan bimbingan sepenuhnya oleh guru, seperti dilakukan peserta JU1 (Jurulatih Utama):

“اورظنأ ..لؤأل نَم اوقظنأ مَكُّلُكُ ..يَكُؤأ..  
..تَأَلْثُ، نَأَثْإِ، دَحِؤ ..مَكُّلُكُ يَكُؤأ ..لَكُيْه

Manakala secara berkumpulan,

“ؤَقْرَفِ نَأَلْ، ءَعِبِإِلْؤ قَقْرَفِ مَثْنَسْخَأ يَكُؤأ“

شُي عِي : ذِي مَالَت ! اَوْرُقِي اِي كَوَا ! تَسَمَّ اِحْلَا  
يَفِ لِحْمَتِ لَ شُي عِي .. تَبَاغَلَا يَفِ دُسْ اَلَا  
.. اَمَلَا

Sama seperti JU2,

“Saya memberikan mereka satu teks ataupun sebagai penyelesaian masalah dan menjalankan aktiviti berkumpulan agar mereka dapat bertutur bersama dengan rakan-rakan mereka dalam Bahasa Arab menggunakan kosa kata yang diberikan”.

Akhirnya secara individu:

اَرْقَتَ ؟ اَرْقِي نَأ دِي رِي نَم ! اِنَابَ اِي بِي ط  
، دَح لَو .. اِي لَهْدَ بِي ط ؟ نَم ؟ اَرْقَتَ نَأ دِي رِي نَم  
.. اَذْ اَلْث ، نَانَثَا

### Kaedah Tanpa Terjemahan

Kaedah ini telah diusahakan oleh guru dengan sebaik mungkin dalam memastikan murid memperoleh bahasa Arab secara eksplisit dan implisit. Penekanan pengajaran bahasa Arab secara sepenuhnya telah dilaksanakan oleh guru:

“sebab itu saya lebih banyak gunakan Bahasa Arab supaya membiasakan murid mendengar perkataan tersebut”, (JU3).

“Ok. Sebagai guru bahasa arab heh kita akan mengajar pada murid-murid kita lebih kepada bahasa Arab heh seratus peratus” (JU4).

“Kalau saya terlalu menggunakan Bahasa Melayu, jadi mereka akan sentiasa apa, biasa dengan perkataan Bahasa Melayu?” (JU1).

Bahagian Pembangunan Kurikulum amat menekankan kepentingan guru mengajar bahasa Arab tanpa terjemahan. Oleh itu, guru menyedari perkara ini dan sentiasa berusaha menyampaikan pengajaran dalam bahasa Arab sepenuhnya.

### Kaedah Terjemahan

Perbezaan latar belakang murid, terutama dari segi personaliti dan demografi menyebabkan guru terpaksa menterjemah isi kandungan yang ingin diajar kepada murid. Perbezaan ini adalah seperti aras kognitif, kaum, dan sebagainya. Ini diakui oleh JU4 “kita boleh gunakan bahasa Melayu aa... sedikit-sedikit sajalah...”,

Begitu juga JU1 “Memang selalu campur-campur jugalah. Bagi murid yang lemah ini memang tak bolehlah kita guna 100%”.

### Kaedah Bahasa Badan dan Gaya Tubuh

Manakala teknik-teknik yang digunakan antaranya adalah penggunaan bahasa tubuh, gerak badan atau komunikasi bukan lisan seperti berikut, JU1 “kalau macam haiwan ini saya akan buat suara haiwan ataupun bentuk. Maksudnya macam mana bentuk haiwan tersebut.”. Begitu juga JU4 “Contohnya, bustaniyun.. jadi murid akan terus dengan bahasa tubuhnya.. aa.. bagaimana bustaniyun tu haa..”, dan JU3 “mesti digunakan dengan bahasa badanlah untuk memahamkan murid-muridlah terutama murid-murid yang lemah ni kan haa..”

### Penggunaan Bahasa Kelas (Lughatul Fasli)

Lughatul Fasli adalah penggunaan bahasa kelas dalam bahasa Arab sepenuhnya bagi membantu murid menguasai kosa kata bahasa Arab. Antara elemen-elemennya ialah arahan (*al-Awamir*) dan larangan (*an-Nawahi*), Perkara ini dapat difahami melalui transkrip pemerhatian dan temubual dalam kalangan peserta kajian JU1 dan JU4:

اَوْعَمَسْنَا ، رَوْصُلَا هِرْذَهَ مَكْتُ يَطْعَا .. دِي رَا نَا لَا  
يَنِي غِي اَوْبَتَّر .. اَوْبَتَّر مَث .. اَه .. لَوْقَا اَم  
رُظْنَا .. اَوْدَعَتْسْنَا .. يَكُوَا ، لَوْقَا اَم بَسَا ح

.. لَصْفَا ل .. يَكُوَا .. لَصْفَا ل سِي يَز .. هَاهَا  
اِي ! عَسْبِ عَسْبِ عَسْبِ .. لَصْفَا ل  
مَامَا ل اِي لَا لَاعَتْ هَاهَا ؟ تَصْلَحْ ! ضَا يَف  
مَامَا ل اِي لَا اِرْظْنَا ، نَا لَا .. مَامَا ل اِي لَا لَاعَتْ  
.. ضَا يَف اِي لَا اَوْرْظْنَا

Seterusnya, sapaan (*at-Tahiyyat*), JU4:

نُحْنُ هَلَّلْ دُمَّ حَلَّالِ ذِي مَالَتِ ؟ مُكَلِّحِ فَيَكُ  
 ذِي مَالَتِ ! رِيَّ حَلَّالِ حَبَّصَ : مَلَعَمَ : رِيَّ حَلَّابِ  
 هَلَّلْ لَأَشْرَنْدَا !..! اسْوَلْ حُجَّ : مَلَعَمَ .. رَوْنَلَّ حَبَّصَ  
 مُؤَيَّ : ذِي مَالَتِ ؟ مُؤَيَّ ؟ مُؤَيَّ .. مُؤَيَّ لَأَذْهَبِ يَفِ  
 ءَاثَلْتَلَّ

dan pujian (*at-Ta'ziz*), JU1:

دَحَلُوْ .. يَكُوْا ، طَقَفَ تَلَّ اَثَلَّ اَقَقَزَلَّ يَكُوْا  
 .. تَلَّ اَثَلَّ ، نَانَثَلَّ

(guru menunjukkan secara rawak, dan murid menyebut nama haiwan)

زَاتْ مُمْ قَفَّصَ قَفَّصَ .. مَثْنَسَحْ .. يَكُوْا  
 .. تَلَّ اَثَلَّ ، نَانَثَلَّ ، دَحَلُوْ .. يَكُوْا

(murid menepuk tangan).

Peserta JU4 bersetuju dengan pendekatan ini, “Ya, sebagai dorongan la bagi mereka yang betul heh...”

Guru perlu kerap menggunakan perkataan yang jarang digunakan apabila berinteraksi serta melibatkan pelajar dengan bahasa lisan bagi menggalakkan perkembangan penguasaan kosa kata pelajar (Nelson, 2008). Penggunaan bahasa kelas atau *lughatul fasli* patut dititikberatkan oleh guru berbanding menggunakan terjemahan secara langsung kepada pelajar. Contoh jenis-jenis ayat *lughatul fasli* yang boleh digunakan ialah; ayat ucapan dan sapaan, arahan, penyoalan, pujian dan peneguhan, membetulkan kesalahan murid dan menggunakan *al-‘ibarat almutadawilah* dalam bahasa Arab (Mior Syazril, 2015).

### Kaedah Pengulangan (Hafazan)

Kaedah lain yang digunakan oleh guru ialah teknik hafazan secara pengulangan berulang-kali, seperti yang dinyatakan oleh guru:

“..saya akan meminta murid untuk menghafalnya berulang-ulang kali supaya mereka dapat faham perkataan tersebut”, JU1.

“kalau kita baca dua, tiga kali tak boleh tapi kalau kita mengulang mengulang dan kita boleh dapat sepertimana kita baca surah Al-Fatihah”, JU3.

“dalam mempelajari kosa kata, pengulangan adalah satu perkara yang penting dalam proses”, JU2.

Kaedah ini ialah kaedah tradisional melalui pengulangan kosa kata yang dipelajari oleh murid. Pengajaran bahasa Arab secara tradisional seperti pembelajaran *mahfuzat* adalah melalui pengulangan hafalan. Hafalan kosa kata perlu dikuasai terlebih dahulu bagi memastikan pembelajaran secara mastery berlaku (Mohd Rosdi dan Mat Taib, 2006). Secara keseluruhan strategi PdP berpusatkan guru adalah seperti dalam rajah 3:



Rajah 3: Strategi PdP Berpusatkan Guru

### Strategi PdP Berpusatkan Murid

Pelbagai pendekatan berpusatkan murid telah dilaksanakan oleh guru bagi memaksimumkan penggunaan ruang dan aras kognitif murid bagi menghasilkan impak PdP kosa kata yang berkesan. Ini termasuklah PdP abad ke 21. Seorang guru yang baik harus menyediakan dirinya dengan pelbagai kaedah dan teknik serta bersifat terkini. Guru perlu menguasai bahan pengajaran untuk difahami oleh pelajar, dan berusaha untuk menarik minat murid melalui proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Di samping itu, latar belakang karakter pelajar yang pelbagai juga hendaklah dikenal pasti (AlQahtani, 2015). Hal ini berdasarkan transkrip temubual:

*“Ok, cara saya menarik minat murid ini kita kena pelbagaikan teknik. Pelbagaikan tekniknya. Contoh macam permainan. Lepas itu gunakan ICT ataupun kita buat di luar kelas.” (JU1).*

## **PdP Abad Ke 21**

Pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi serta pendekatan abad ke 21 menjadi suatu keperluan masa kini. Guru sewajarnya menjadi model dalam pelaksanaan PdP abad ke 21 bagi murid-murid (Doug Johnson, 2012). Pengajaran dengan penggunaan multimedia meningkatkan kepantasan dan peningkatan pengekalan kosa kata apabila perkataan tersebut didapati dalam pelbagai konteks seperti imej beranimasi dan imej dengan bantuan teks (Duquette, Renie & Laurier, 1998). Peserta kajian telah mengoptimalkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. *“Jadi bila gunakan Chromebook ini memang sangat menarik minat murid-murid lah sebab ia adalah satu penggunaan teknologi yang lain daripada yang lain...”*, (JU1).

Penggunaan audio visual:

*“...Maksudnya saya buat video itu dia akan tengok, dengar. Maksudnya tengok dan dengar”*, (JU1).

## **Kaedah Didik Hibur**

Kaedah ini merangkumi elemen-elemen didik hiburan dan seni bahasa seperti nyanyian atau nasyid, kalam jamaie, permainan, kuiz, dan sebagainya. Elemen didik hiburan mampu menarik minat murid mengikuti aktiviti PdP secara lebih berkesan. Guru telah menerapkan elemen ini dengan baik sekali. Hal ini dinyatakan secara jelas oleh JU2:

*“...murid-murid sangat, memang sangat suka kepada didik hiburan dan mereka boleh menuturkan apa, dengan mudah kosa kata-kosa kata menggunakan ayat-ayat mudah, ayat-ayat yang kompleks yang, dalam lirik nasyid apa itu,*

*lagu tersebut ya...”*,

*“Mungkin perkataan yang lebih apa, fun learning ataupun lebih apa orang kata, lebih dekat dengan murid lah dan mudah faham”*.

Begitu juga JU3 dan JU4, *“...Yang murid dia suka, walaupun dia tak tahu apa yang dia sebut tetapi dengan menyanyi atau bernasyid itu dia mampu untuk menghafal perkataan tersebutlah”*,

*“.... aa... yang paling menarik minat murid adalah ketika kita buat nyanyian lah...”*

*“Apabila kalam jamaie ini mereka akan berusaha untuk menghafal perkataan yang sebaik mungkin untuk mereka berjaya lah”*, JU1.

Kaedah permainan juga mampu merangsang minat murid untuk saling bersaing dan menyelesaikan permainan bagi mencapai objektif PdP yang dihasratkan. Peserta JU1, *“Jadi perkataan itu akan sentiasa saya ulang-ulang dalam bentuk, contoh bentuk permainan. Biasa murid-murid hujung ini dia lebih suka bermain daripada belajar, kan?”*.

Begitu juga JU2, *“Ha, permainan bahasa sebagai contoh apa, kotak beracun. Maksudnya murid akan, sendiri akan menyebut, akan, dan meminta murid menyebut secara berulanglah sama ada secara rawak ataupun individu ataupun secara berkumpulan”*, dan JU3 *“Contohnya kuiz, permainan kan dan juga didik hiburan yang merupakan apa itu acara tetaplah untuk diajar dalam Bahasa Arab ini”*.

Permainan yang mempunyai objektif yang jelas sudah pasti mampu memberi natijah yang baik (Che Radiah, 2010). Kaedah ini seharusnya diberi perhatian oleh guru terutamanya guru sekolah rendah kerana umur muridnya adalah di sekitar 6 – 12 tahun, iaitu peringkat umur di mana keseronokannya adalah bermain. Guru yang mempunyai asas pengetahuan tentang bagaimana otak kanak-kanak berfungsi,



mampu membina peluang untuk menjadikan bermain sebagai alat pembangunan kemahiran kognitif, afektif dan psiko-motor (O'Donovan & Val Melnyczuk, 2015). Aktiviti bermain, menawarkan kanak-kanak peluang untuk meneroka dan belajar pada tahap mereka tersendiri. Ianya memberi kanak-kanak peluang untuk menjadi diri sendiri dan berasa lebih kompeten melalui pengalaman yang relevan, bermakna dan bebas (Bradford, 2015).

### **Kaedah Kolaborasi, Konstruktivisme dan Inkuiri Penemuan**

Kaedah kolaborasi melibatkan aktiviti antara kumpulan yang melibatkan pergerakan murid secara lebih aktif. Peserta JU2 telah melaksanakan kaedah ini, "*Selain itu juga, saya memberi apa, latihan bertulis sama ada meminta mereka untuk membina ayat menggunakan kosa kata dan juga apa, aktiviti kumpulan ya secara kolaborasi agar apa, untuk menyelesaikan satu-satu masalah menggunakan kosa kata yang diberikan itulah*". Kaedah konstruktivisme pula ialah murid membina sendiri kefahaman dalam PdP yang dijalankan, dengan bimbingan yang sedikit daripada guru. Seterusnya JU2 menyatakan "*Mungkin kepada murid yang mempunyai aras keupayaan yang tinggi, mereka boleh apa, guru-guru boleh menggunakan kaedah apa, orang panggil ustaz, konstruk apa, apa, konstruktivism, kan? Ha, maksudnya murid akan dapat membina sendiri keupayaan mereka berfikir, mendapat kosa kata melalui pembelajaran tersebut ya...*". Kaedah ini turut diamalkan oleh JU1 "*Ok saya beri dia tugas. Ok awak cari perkataan landak di rumah kan, awak cari dalam internet. Sebab budak sekarang ini memang advance lah kalau gunakan internet*".

Kaedah berikutnya ialah inkuiri penemuan iaitu murid sendiri yang berusaha mencapai matlamat PdP, seperti yang dinyatakan oleh JU2 "*Seorang guru yang mempunyai, ada kemahiran ICT supaya adanya apa, menimbulkan rasa inkuiri penemuan dalam, dalam diri murid dan mereka dapat membina ilmu mereka sendiri berdasarkan*

*maklumat-maklumat, ilmu-ilmu yang mereka dapat*". Kaedah ini turut digunakan oleh JU3 "*Ada pun murid yang pandai, kelas yang pandai itu yang cekap dari segi pemahaman dia, ha saya akan lebihkan sikitlah kosa kata dia. Ha yang tak ada dalam buku dan mungkin suruh mereka berfikir dan cari...*".

Hal ini selari dengan lima standard asas pembelajaran abad ke-21 (PAK21) yang digariskan oleh kementerian (KPM) iaitu: Kolaboratif, komunikasi, kreativiti, pemikiran kritis, dan nilai murni dan etika (KPM, 2016).

### **Kaedah Peta i-Think**

Cetusan dan perubahan kurikulum melalui penerapan kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah secara integrasi mampu menjadikan proses pembelajaran lebih aktif. Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) turut diterapkan oleh guru melalui penggunaan peta i-Think yang pelbagai seperti peta bulatan dan peta buih berganda. Peserta JU2 menyatakan "*dan saya sebenarnya menggunakan i-think ini untuk mengasah dan apa, mendidik murid supaya berfikir pada apa, di luar kotak mereka. Ha bukan sahaja hanya terikat kepada dalam silibus*". Begitu juga JU4 "*Sangat-sangat membantu sebab dalam aa... pembelajaran abad 21 ni sangat ditekankan lah peta pemikiran ni heh, lapan tu*".

Peta bulatan digunakan oleh JU4 "*Jadi, pada hari ini saya pilihkan untuk aa... peta pemikiran aa... peta bulatan lah. Sebagai, rasanya peta bulatan yang paling mudah... khoritatur da'irah mudah untuk penguasaan murid-murid... Begitu juga JU2 "Peta buih yang pertama itu sebagai untuk meransang murid-murid untuk menyebut dan mengeluarkan pengetahuan sedia ada mereka mengenai kosa kata yang bakal saya ajar pada hari tersebut". Peta buih berganda turut digunakan oleh JU2 untuk aktiviti banding beza "*Selain itu saya juga menggunakan apa, double bubble ataupun peta buih berganda supaya murid dapat membanding beza antara beberapa perkaralah ya dalam pengajaran**

*saya gunakan itu berdasarkan kosa kata yang dipelajari”.*

Strategi PdP berpusatkan murid keseluruhannya seperti dalam rajah 4:

Rajah 4: Strategi PdP Berpusatkan Murid

### **Kemahiran Bahasa (*Maharah Lughawiyah*)**

Guru hendaklah memberi keutamaan kepada empat aspek kemahiran bahasa ini bagi memastikan murid menguasai kosa kata. Ini diakui oleh peserta JU4 “*Ya, sangat penting sebab aa..dalam aa..pelajaran bahasa Arab heh maharatul istima’, kalam, qiraah, kitabah sangat penting*”. Nada yang sama diutarakan oleh JU3, “*...bermula daripada asas mendengar murid-murid. Asasnya mestilah mendengar dahulu apa yang disampaikan*”.

*“Ok, kemahiran Bahasa Arab yang empat itu sangat penting. Yang pertama sekali kalau istima’ kalam. Ok, sebelum kita nak mengajar kosa kata ini kita kena sebut, sebut betul-betul sebab kadang-kadang kita sebut, kita sebut lain nanti murid sebut lain”.* JU1.

Penguasaan kosa kata memudahkan murid menguasai kemahiran bahasa, “*Baik, apa itu, penguasaan pengetahuan kosa kata dia merupakan salah satu indikator lah kecekapan kemahiran menulis, membaca, mendengar dan bertutur*”, JU2.

### **Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Mata Pelajaran**

Guru menunjukkan penguasaan mata pelajaran atau *subject matter content knowledge* yang amat baik. Pemahaman guru tentang aspek kosa kata yang perlu diajar seperti definisi kosa-kata, ciri-cirinya, pemilihan kosa kata dan lain-lain adalah sangat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana tanpa kefahaman yang jelas, guru tidak dapat menyampaikan pengajaran kosa kata dengan lebih efektif. Hasil pemerhatian dan temubual yang dijalankan, ternyata guru menguasai dan merujuk Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran terlebih dahulu sebelum melaksanakan sesebuah proses PdP. Peserta kajian memberi penekanan akan aspek ini seperti berikut:

*“Jadi, mengikut... semua mengikut DSK yang kita tetapkanlah. Jadi, apabila mereka menguasai maknanya mereka menguasai lah yang dalam kemahiran tersebut”,* JU4.

*“Jadi sebenarnya semua itu penting sebab itu telah ditekankan dalam DSKP benda-benda ini untuk membantu murid belajar”,* JU1.

*“Saya menentukan sama ada kosa kata itu adalah sesuai ataupun tidak untuk diajar kepada murid-murid saya berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum yang telah diberikan kepada semua guru di sekolah rendah lah ya.”,* JU2.

Guru juga mempamerkan kefahaman yang jelas berkaitan kosa kata dan kepentingan aspek pengajaran kosa kata. Kefahaman ini amat penting khususnya bagi memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai oleh murid dan mampu dilaksanakan oleh para guru. Kefahaman guru dapat dilihat seperti berikut:

*“Kosa kata ini adalah merupakan perbendaharaan kata ataupun sejauhmana murid mempunyai kalimah-kalimah ataupun perkataan yang di, dihafal ya? Bukan dihafal, yang maksudnya dimiliki oleh murid dalam, dalam pembelajaran”.* JU1.

*“Kemudian yang kedua adalah kosa kata yang apa, dekat dengan kehidupan seharian murid.*

*Maksudnya apa, sekitar dalam ruang lingkup sekolah, di rumah. Maksudnya tentang apa, nombor, yang mereka akan menggunakan setiap hari dalam kehidupan, dalam kehidupan murid tersebutlah...”, JU2.*

*“Ya, sebenarnya bahasa Arab ni sebagai bahasa ketiga heh... jadi untuk membiasakan heh... membiasakan murid-murid kita dengan kalimah-kalimah yang mudah, kalimah basitah, heh...”, JU3.*

Secara keseluruhan, peserta kajian mempunyai pengetahuan berkaitan kandungan mata pelajaran, memberi penekanan terhadap aspek pedagogi bahasa Arab melalui kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Pengetahuan pedagogi secara umum juga ditunjukkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan-pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh guru.

## **Kesimpulan**

Pengajaran kosa kata oleh guru secara terancang dan teratur mampu menghasilkan amalan terbaik pengajaran guru dalam PdP. Semua guru seharusnya berusaha menambah pengetahuan bagi membantu amalan serta pengurusan dalam PdP, dan seterusnya menggunakan pengetahuan tersebut. Limitasi kajian ini ialah ianya tidak dapat digeneralisasikan dan batasan tempoh masa yang terhad. Kajian ini juga hanya mengkaji guru di sekolah rendah bagi mata pelajaran Bahasa Arab sahaja. Responden kajian tidak dipilih secara rawak tetapi secara bertujuan. Sebagai sebuah kajian kualitatif, kajian ini boleh dipindahkan (*transferability*) kepada kajian lain pada masa akan datang. Cadangan lanjutan ialah melaksanakan kajian amalan pedagogi kosa kata Arab dalam kalangan guru secara kuantitatif dengan melihat kepada tahap, hubungan dan kesan. Seterusnya dapat digeneralisasikan kepada semua guru bahasa Arab khususnya di sekolah kebangsaan.

Dapatan yang diperolehi melalui kajian ini diharapkan mampu membantu para guru

melaksanakan pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan lebih berkesan. Program intervensi yang sesuai juga boleh dihasilkan untuk guru dengan berpandukan hasil kajian ini. Seterusnya mengadakan program latihan guru seperti pendedahan amalan terbaik pengajaran guru bagi memberi impak ke arah menghasilkan kaedah PdP kosa kata yang efektif dan inovatif seperti program komuniti pembelajaran profesional (*Professional learning community*). Tanpa pengamalan strategi dan amalan terbaik pengajaran kosa kata oleh guru di dalam bilik darjah, proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi hambar dan tidak berkesan.

## **Rujukan**

Ahmad Kilani Mohamed. (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Issham Ismail (ed.). Edisi Pert. Skudai, Johor Darul Ta'zim: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Ainon Wazir. (2016). *Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah*. Universiti Kebangsaan Malaysia

Aleidine Kramer Moeller, Ketsman, O. & Masmaliyeva, L. (2009). *The Essentials of Vocabulary Teaching : From Theory to Practice*. *Central States Conference on the Teaching of Foreign Languages* 1–17.

AlQahtani, M. (2015). The importance of vocabulary in language learning and how to be taught. *International Journal of Teaching and Education* III(3): 21–34. <http://www.iises.net/international-journal-of-teaching-education/publication-detail-213>

Amy Benjamin & Crow, J.T. (2010). *Vocabulary at The Center*. New York: Eye On Education.

Azman Che Mat & Goh Ying Soon. (2010). Situasi pembelajaran bahasa Asing di institusi pengajian tinggi: Perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis.

*Ajtlhe* 2(2): 9–20.

Bradford, H. (2015). Play, Literacy and Language Learning. Dlm. Moyles, J. (pnyt.). *The Excellence of Play*, 4th Editio., hlm. 250–261. New York: Open University Press.

Che Radiah Mezah. (2010). *Pengajaran Bahasa Arab Himpunan Pedoman Buat Guru dan Bakal Guru*. Edisi ke-1. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Doug Johnson. (2012). *The Classroom Teacher's Technology Survival Guide*. First Edit. San Francisco: Jossey-Bass.

Duquette, L., Renie, D. & Laurier, M. (1998). The Evaluation of Vocabulary Acquisition when Learning French as a Second Language in a Multimedia Environment\*. *Computer Assisted Language Learning* 11(1): 3–34.

Erdinc Aslan. (2016). A study on the use of mobile dictionaries in vocabulary teaching. *Journal of Language and Linguistic Studies* 1(2): 215–235.

Harun Baharudin & Maimun Aqsha Lubis. (2015). Korelasi Strategi Dengan Saiz Kosa Kata Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *ASEAN Comparative Education Research Conference ACER-N 2015*, hlm. 1535–1544. Bangi, Selangor: UKM.

Keith Folse. (2010). Is explicit vocabulary focus the reading teacher's job? *Reading in a Foreign Language* 22(1): 139–160.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kuala Lumpur.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Pembelajaran Abad Ke-21*. Putrajaya.

McCombs, B.L. & Miller, L. (2007). *Learner-centered classroom practices and assessments : maximizing student motivation, learning, and*

*achievement*. Thousand Oaks, Calif.: Corwin Press.

Merriam, S.B. (2001). Andragogy and Self-Directed Learning: Pillars of Adult Learning Theory. *New Directions for Adult and Continuing Education* 2001(89): 3–14. <http://dx.doi.org/10.1002/ace.3>

Miles, M.B. & Huberman, A.M. (1984). *Qualitative data analysis: a sourcebook of new methods*. Sage Library of Social Research t.tp: Sage Publications.

Mior Syazril Mohamed Sapawi. (2015). Amalan Penggunaan Lughatul-fasli Dalam Pengajaran Jurulatih Utama Bahasa Arab Sekolah Rendah. Bangi, Selangor.

Mohammad Abdillah Samsuiman, Asma Benjaman & Zamri Arifin. (2015). Hubungan Antara Kecenderungan Minat Pelajar Dalam Bahasa Arab Dengan Kualiti Diri Guru Bahasa Arab MRSM Ulul Albab, Kota Putra. *Journal of Human Capital Development* 8(2): 49–60.

Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. (2006). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mok, S.S. (1992). *Pedagogi 2: strategi pengajaran - pembelajaran pengajaran mikro persediaan untuk pengajaran praktik*. Siri pendidikan pengurusan Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Nation, P. (1995). Best practice in vocabulary teaching and learning. *EA Journal* 13(2): 7–15.

Nelson, K.L. (2008). *Teaching Vocabulary To Primary Grade Students*. The University of Utah

Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (M) Sdn. Bhd.

O'Donovan, C. & Val Melnyczuk. (2015).



Brain development and play. Dlm. Moyles, J. (pnyt.). *The Excellence of Play*, 4th Editio., hlm. 25–34. New York: Open University Press.

Rashidi Azizan & Abdul Razak Habib. (1998). *Pengajaran Dalam Bilik Darjah Kaedah dan Strategi*. Cetakan Ke. Kajang, Selangor Darul Ehsan: Masa Enterprise.

Shulman, L.S. (1986). Those Who Understand: Knowledge Growth in Teaching. *Educational Researcher* 15(2): 4–14. <http://journals.sagepub.com/doi/abs/10.3102/0013189X015002004>

Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2016). *Qualitative research, interview analysis & nvivo11 exploration*. t.tp: t.pt.

Wilfong, L.G. (2013). *Vocabulary Strategies That Work Do This-Not That!*. First. New York: Routledge Taylor & Francis Group.

Zamri Arifin & Al Muslim Mustafa. (2014). *Kualiti Guru Bahasa Arab Dalam Konteks Malaysia: Menangani Persoalan Asas*. 1–10.

